

SY

ECONEWS

KUB BERSEDIA MENGHADAPI MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH

Oleh K.C. Leong

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB), sebuah koperasi yang ditubuhkan oleh UMNO dan menghadapi masalah kewangan kini bersedia bangun semula dengan pelancaran kempen keanggotaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini minggu depan.

Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir, juga akan melancarkan logo baru dan kempen untuk mendapatkan kewangan bagi meningkatkan modal koperasi tersebut melalui kempen yuran di kalangan anggota-anggota baru dan yang sedia ada.

Pengerusi KUB, Encik Hassan Harun berharap kempen tersebut akan meningkatkan keanggotaannya daripada yang sedia ada iaitu 112,000 (hampir kesemua anggota UMNO) kepada 250,000 dan setiap anggota akan membayar yuran sekurang-kurangnya \$1,000, dengan itu dapat mengumpul \$250 juta.

Kemasukan modal tersebut sangat-sangat diperlukan oleh KUB di mana ia kini berada dalam program pelbagai serampang bagi mengekalkan kecemerlangan koperasi itu pada masa lalu setelah menghadapi hutang dan kerugian yang banyak. Pada suatu ketika KUB pernah menguasai aset berjumlah \$1,500 juta tetapi hutang terkumpulnya juga melembung kepada \$1,300 juta.

Encik Hassan yang juga anggota Masjlis Tertinggi UMNO memberitahu Bernama yang pelancaran kempen keanggotaan dan logo tersebut adalah merupakan lebih daripada kerja pemugaran sebuah organisasi yang beliau sifatkan sebagai mengalami kekurangan keyakinan orang ramai pada masa lalu.

Beliau berkata, pelancaran tersebut akan menandakan +permulaan hidup baru+ bagi KUB yang ditubuhkan pada tahun 1977 sebagai koperasi kebangsaan UMNO.

Beliau yakin bahawa kempen keanggotaan dan yuran tersebut akan berjaya kerana para anggota UMNO mempunyai keupayaan membayara yuran sebanyak \$1,000 seorang. Sasaran sebanyak 250,000 anggota tersebut adalah suatu angka yang konservatif +kerana saya tidak ingin membuat sasaran terlalu besar.+

+Dengan ekonomi Malaysia yang meningkat sekarang, saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh melabur wang cara lebih produktif,+ tambah beliau.

Beliau telah bertindak segera menyusun semula struktur dan organisasi kumpulan tersebut sambil menyelesaikan masalah lembaran imbalan yang mendesak sejak dilantik sebagai pengerusi KUB pada 27 Mei tahun ini, iaitu mengambil alih jawatan Datuk Harun Idris yang tidak dilantik semula pada mesyuarat agung tahunannya.

Beliau telah membawa masuk muka-muka baru -- kesemuanya profesional -- ke dalam pasukan pengurusan, mengemaskan kawalan organisasi, mengenalpasti aktiviti bidang-bidang untuk ditumpukan, membayar hutang-hutang perniagaan dan membuka rundingan-rundingan untuk menjadualkan semula pinjaman-pinjaman bank KUB.

Encik Hassan berkata, beliau mengambil alih kumpulan yang menanggung kerugian terkumpul sebanyak \$110 juta tetapi menambah bahawa kedudukan kewangan kumpulan itu yang beliau warisi telah menjadi lebih baik daripada beliau jangkakan.

Bagaimanapun pengurusan sebelumnya ini terpaksa melupuskan kebanyakan aset kumpulan tersebut yang mana pada suatu ketika termasuk saham-saham tersenarai Idris Hydraulic Bhd dan Selangor Properties Bhd serta juga Kwong Yik Bank Bhd untuk mengurangkan hutang KUB daripada \$313.5 juta pada hujung tahun 1987 kepada \$127 juta pada Oktober 1989.

Bagaimanapun, KUB berazam untuk mengawal syarikat senarai awam semula. Encik Hassan berkata rundingan bagi pengambilalihan sedang dilaksanakan tetapi menambah bahawa beliau tidak dapat untuk mengumumkannya pada masa ini.

+Pengambilalihan itu akan dilaksanakan segera dan apabila syarikat itu telah dimiliki, ia akan membolehkan KUB untuk menyusun semula struktur korporatnya seterusnya dan melancarkan berbagai-bagai aktiviti yang telah dirancangan,+ kata beliau.

Mengulas mengenai skop tanggungjawabnya memulihkan KUB, beliau berkata aspek yang paling berat +misi+ beliau ialah KUB mempunyai +tanggungan dan kerugian terkumpul yang besar tetapi tidak mempunyai sumber pendapatan atau pembiayaan+.

+Saya dapati apabila saya mengambil alih, KUB mempunyai imej sebuah organisasi yang gagal, dibeban dengan hutang dan masalah yang tidak boleh diatasi. Terdapat kekurangan keyakinan orang ramai terhadap KUB termasuk anggota-anggotanya,+ tambah beliau.

+Bagaimanapun, perasaan bimbang di kalangan kakitangannya yang dapat saya perhatikan ketika saya mula datang, kini telah mula bertukar. Dulu suasana di sini adalah muram tetapi kini semangat kakitangan telah dapat ditingkatkan.+

Beliau menambah bahawa lawatan para pemimpin UMNO dan delegasi Pemuda UMNO dan Wanita UMNO ke KUB baru-baru telah meningkatkan semangat kakitangan kerana mereka telah mempamerkan komitmen dan kejujuran kepimpinan UMNO untuk memulihkan KUB.-- Bernama